



Orang awam Syria dan pejuang pemberontak berkumpul untuk dipindahkan dari bandar Arbin di wilayah Timur Ghouta, kelmarin.

KONFLIK PERANG DI TIMUR GHOUTA

SELASA 27/3/18 BERITA HARIAN MJS #1

Pemberontak nafi angkat bendera putih

➔ Jaish al-Islam anggap berita penipuan Damsyik

► Beirut

Satu kejutan berlaku di kawasan krisis perang di Timur Ghouta, semalam apabila serpihan kumpulan pemberontak Jaish al-Islam menafikan pejuang mereka bersedia meletakkan serjata dan meninggalkan kawasan Douma yang menjadi kubu kuat mereka.

Pemberontak di kawasan Douma berhampiran ibu negara

Damsyik sebelum ini menyuarakan hasrat untuk menghentikan pertempuran dan meninggalkan kawasan itu, menurut agensi berita Russia, RIA memetik seorang staf jeneral Russia.

"Ini satu penipuan," kata ketua politik kumpulan itu, Mohammad Alloush.

Menurut seorang pemantau, perkembangan itu juga menyaksikan rundingan mengenai nasib Douma mencapai jalan buntu selepas wujud kumpulan serpihan di kalangan puak pembangkang yang menguasai kawasan berkenaan.

Sementara itu, kumpulan baharu pemberontak Syria lain dan penduduk awam melakukan persiapan meninggalkan Timur Ghouta, semalam selepas perpidahan terbesar dari kawasan itu.

Musnah akibat bom

Tentera kerajaan kini menguasai lebih 90 peratus kubu kuat pem-

Info

Krisis kemanusiaan

➔ **Lebih banyak** pengunduran berlaku semalam di kawasan Arbin, Zamalka dan daerah bersebelahan Jobar yang semuanya pernah dikuasai Faylaq al-Rahman.

[FOTO APP]



Warga Syria memberi isyarat tanda gembira selepas tiba di kawasan dikuasai kerajaan di Harasta, kelmarin.